

GP004-A

GP

GARIS PANDUAN PERANCANGAN

Kemudahan Masyarakat



GARIS PANDUAN PERANCANGAN

Kemudahan Masyarakat



Cetakan Pertama 2013

© Hak cipta

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Hak cipta terpelihara

Mana-mana bahagian dalam laporan ini tidak boleh diterbitkan semula,
disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi atau pun
dipindahkan ke dalam sebarang bentuk cara, sama ada dengan cara
elektronik, gambar rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis
daripada Penerbit terlebih dahulu.



ISBN 978-983-41729-9-2

Diterbitkan di Malaysia oleh:

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Tel. : 03-2698 9211 Faks: 03-2692 9994

Pemberitahuan

Garis Panduan ini menggantikan Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat JPBD 19/97 yang telah disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Garis Panduan ini telah diambil maklum oleh Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan Ke-66 pada 3 September, 2013.

Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan kandungan Rancangan Pemajuan, khususnya Rancangan Tempatan dan Rancangan Kawasan Khas.

Garis Panduan ini tidak mengatasi mana-mana garis panduan lain, sama ada dari segi subjek atau pun pertapakan, yang disediakan di bawah peruntukan perundangan oleh mana-mana pihak.

Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] dan undang-undang sedia ada yang berkaitan. Ia juga perlu merujuk kepada garis panduan lain yang berkaitan yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia.

September, 2013

GLOSARI

CCTV	-	TV Litar Tertutup (<i>Closed Circuit TV</i>)
CPTED	-	<i>Crime Prevention Through Environmental Design</i>
GP	-	Garis Panduan
IPK	-	Ibu Pejabat Kontigen
IPD	-	Ibu Pejabat Polis Daerah
JBPM	-	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
JKP	-	Jabatan/Kementerian/Agensi Persekutuan
JKM	-	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JKR	-	Jabatan Kerja Raya
JPBD SM	-	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
JPN	-	Jawatankuasa Perancang Negeri
KK	-	Klinik Kesihatan
KKM	-	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPKT	-	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KPTG	-	Ketua Pengarah Tanah dan Galian
KTN	-	Kanun Tanah Negara
NKRA	-	Bidang Keberhasilan Utama Negara (<i>National Key Result Areas</i>)
NKEA	-	Aktiviti Ekonomi Utama Nasional (<i>National Key Economic Activities</i>)
OKU	-	Orang Kurang Upaya
OSC	-	<i>One Stop Centre</i>
PBT	-	Pihak Berkuasa Tempatan
PTG	-	Pejabat Tanah dan Galian
PTP	-	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan
RKK	-	Rancangan Kawasan Khas
RT	-	Rancangan Tempatan

ISI KANDUNGAN

GLOSARI

1. TUJUAN	1
2. LATAR BELAKANG	1
2.1. Keperluan Garis Panduan	1
3. SKOP	2
3.1. Peruntukan Perundangan dan Dasar	2
4. PRINSIP PERANCANGAN	3
5. GARIS PANDUAN UMUM DAN KHUSUS	7
5.1. Kemudahan Kesihatan	7
5.1.1. Kategori	7
5.1.2. Garis Panduan Umum (Awam/Swasta)	9
5.1.3. Garis Panduan Khusus	10
5.2. Kemudahan Pendidikan	16
5.2.1. Kategori	16
5.2.2. Garis Panduan Umum	18
5.2.3. Garis Panduan Khusus	19
5.3. Kemudahan Keselamatan - Polis	29
5.3.1. Kategori	29
5.3.2. Garis Panduan Umum	30
5.3.3. Garis Panduan Khusus	30
5.4. Kemudahan Bomba dan Penyelamat	34
5.4.1. Kategori	34
5.4.2. Garis Panduan Umum	34

5.4.3. Garis Panduan Khusus	35
5.5. Pusat Komuniti	38
5.5.1. Kategori	38
5.5.2. Garis Panduan Umum	39
5.5.3. Garis Panduan Khusus	40
5.6. Perpustakaan Awam	41
5.6.1. Kategori	41
5.6.2. Garis Panduan Umum	43
5.6.3. Garis Panduan Khusus	44
5.7. Kemudahan Kebajikan	46
5.7.1. Kategori	46
5.7.2. Garis Panduan Umum	49
5.7.3. Garis Panduan Khusus	50
6. PENYEDIAAN KEMUDAHAN MASYARAKAT SECARA INTEGRASI	53
7. MEKANISME PELAKSANAAN KEMUDAHAN MASYARAKAT DALAM PEMBANGUNAN	56
7.1. Pelaksanaan Kemudahan Masyarakat Melalui Rancangan Pemajuan	58
7.2. Pelaksanaan Kemudahan Masyarakat Melalui Kebenaran Merancang	62
8. PENUTUP	65
RUJUKAN	
LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

Jadual 1.0: Kategori dan Kriteria Kemudahan Kesihatan	8
Jadual 2.0: Garis Panduan Khusus Hospital	13
Jadual 3.0: Garis Panduan Khusus Klinik Kesihatan	14
Jadual 4.0: Garis Panduan Khusus Klinik Desa	15
Jadual 5.0: Garis Panduan Khusus Klinik 1Malaysia	15
Jadual 6.0: Kategori Kemudahan Pendidikan	16
Jadual 7.0: Garis Panduan Khusus Sekolah Rendah	21
Jadual 8.0: Garis Panduan Khusus Sekolah Menengah	22
Jadual 9.0: Garis Panduan Khusus Sekolah Pendidikan Khas	25
Jadual 10.0: Garis Panduan Khusus Institusi Pengajian Tinggi (IPT)/Kolej/ Politeknik	28
Jadual 11.0: Kategori Kemudahan Keselamatan – Polis	29
Jadual 12.0: Garis Panduan Khusus Kemudahan Polis	31
Jadual 13.0: Kategori Kemudahan Bomba dan Penyelamat	34
Jadual 14.0: Garis Panduan Khusus Balai Bomba	36
Jadual 15.0: Kategori Pusat Komuniti	38
Jadual 16.0: Garis Panduan Khusus Pusat Komuniti	41
Jadual 17.0: Kategori Perpustakaan Awam	42
Jadual 18.0: Garis Panduan Khusus Perpustakaan Awam	45
Jadual 19.0: Kategori Kemudahan Kebajikan	48
Jadual 20.0: Garis Panduan Khusus Kemudahan Kebajikan	51
Jadual 21.0: Keluasan Lantai Minimum Kemudahan Yang Disediakan Secara Integrasi/Bangunan Gunasama	55
Jadual 22.0: Peranan Agensi Dalam Membangunkan Kemudahan Masyarakat	56
Jadual 23.0: Agensi Bertanggungjawab Dalam Pembangunan Kemudahan Masyarakat	57

SENARAI FOTO

Foto 1:	Reka Bentuk Bangunan Kemudahan Awam Yang Bercirikan Tempatan	4
Foto 2:	Kemudahan Kesihatan – Hospital	9
Foto 3:	Klinik 1Malaysia di Lokasi Tumpuan Orang Ramai Seperti di Rumah-Rumah Kedai	11
Foto 4:	Komponen Utama Kemudahan Kesihatan	12
Foto 5:	Kemudahan Pendidikan Kategori Sekolah Menengah	17
Foto 6:	Laluan Pejalan Kaki dan Pagar Keselamatan Sebagai Komponen Sokongan Kemudahan Pendidikan	24
Foto 7:	Kategori Kemudahan Keselamatan Polis	31
Foto 8:	Peralatan dan Kemudahan Sokongan Bomba	37
Foto 9:	Kemudahan Pusat Komuniti – Dewan Serba Guna dan Balai Raya	40
Foto 10:	Kategori Perpustakaan Awam	43
Foto 11:	Ruang Aktiviti dan Multisensori di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)	49

SENARAI RAJAH

Rajah 1.0:	Konsep Perancangan Penyediaan Kemudahan Masyarakat Bagi Sebuah Bandar	5
Rajah 2.0:	Konsep Perancangan Penyediaan Kemudahan Masyarakat Bagi Sebuah Subbandar	6
Rajah 3.0:	Jarak Antara Kemudahan Pendidikan Dengan Kediaman	26
Rajah 4.0:	Contoh Konsep Penyediaan Kemudahan Secara Integrasi/Gunasama Bangunan	53
Rajah 5.0:	Pelaksanaan Pembangunan Kemudahan Masyarakat Melalui Rancangan Pemajuan	60
Rajah 6.0:	Cadangan Pelaksanaan Pembangunan Kemudahan Masyarakat Melalui Kebenaran Merancang	64

1. TUJUAN

Garis Panduan ini disediakan bertujuan membantu Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, agensi pelaksana dan pemaju menyediakan kemudahan masyarakat yang secukupnya dalam membangunkan sesuatu kawasan ke arah mewujudkan komuniti sejahtera.

2. LATAR BELAKANG

2.1. Keperluan Garis Panduan

Kemudahan masyarakat merupakan satu komponen penting dalam proses perancangan dan pembangunan negara. Penyediaan kemudahan yang mencukupi dari segi kuantiti dan kualiti adalah perlu kerana ia bukan sahaja menggambarkan perubahan permintaan tetapi juga sebagai indikator tahap pembangunan mampan negara ke arah pembentukan komuniti sejahtera.

Penekanan terhadap kepentingan penyediaan kemudahan masyarakat adalah selaras dengan saranan Kerajaan untuk mewujudkan masyarakat 1Malaysia serta ke arah mencapai inisiatif Kerajaan melalui Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Aktiviti Ekonomi Utama Nasional (NKEA).

Pembangunan kemudahan masyarakat memberi fokus terhadap kemahuan dan keperluan rakyat iaitu *Rakyat Didahulukan* di samping agihan penyediaan kemudahan masyarakat yang sama rata serta adil.

Penyediaan kemudahan masyarakat adalah selaras dengan Dasar Sosial Negara yang menekankan kepada kepuasan dan kecemerlangan hidup bermasyarakat melalui penyampaian perkhidmatan sosial yang merangkumi aspek:

- kebajikan masyarakat;
- kesihatan;
- pendidikan;
- pekerjaan;
- perumahan;
- penghayatan nilai dan budaya;
- keselamatan; dan
- persekitaran yang sihat.

Oleh itu, penyediaan kemudahan masyarakat tidak harus dianggap ringan kerana penyediaan yang kurang memuaskan boleh memberi kesan negatif kepada masyarakat secara keseluruhannya.

Kebiasaannya, penyediaan kemudahan masyarakat dilihat oleh pemaju sebagai tidak menguntungkan. Pada realitinya, dengan adanya penyediaan kemudahan masyarakat, nilai hartanah di sesuatu kawasan akan meningkat kerana kemudahan ini memberi faedah kepada penduduk setempat.

Garis Panduan ini disediakan untuk menangani isu semasa mengenai perancangan kemudahan masyarakat di dalam merancang sesuatu kawasan. Ini dapat direalisasikan dengan pelaksanaan garis panduan yang lebih rasional supaya penyediaan kemudahan masyarakat mampu memberi manfaat serta memenuhi kehendak masyarakat setempat dan

mencapai matlamat pembangunan mampan.

3. SKOP

Garis Panduan ini meliputi penyediaan 7 jenis kemudahan masyarakat utama, iaitu:

- i. kesihatan;
- ii. pendidikan;
- iii. polis;
- iv. balai bomba dan penyelamat;
- v. pusat komuniti;
- vi. perpustakaan awam; dan
- vii. kebajikan.

Garis Panduan ini memberi penekanan kepada beberapa aspek utama iaitu perancangan tapak, reka bentuk, susun atur dan keperluan-keperluan lain. Tapak untuk kemudahan masyarakat perlulah dikenalpasti semasa penyediaan Rancangan Pemajuan dan proses Kebenaran Merancang untuk memastikan penyediaan kemudahan yang mencukupi mengikut keperluan penduduk, peruntukan perundangan dan dasar semasa.

Tapak untuk kemudahan masyarakat seperti tanah lapang awam, tanah perkuburan dan tempat ibadat yang hendak diserahkan kepada Kerajaan, hendaklah disediakan dengan merujuk kepada Garis Panduan Tanah Lapang dan Kawasan Rekreasi, Garis Panduan Perkuburan dan Krematorium, Garis Panduan Tempat Ibadat Islam, dan Garis Panduan Kuil, Tokong, Gereja dan Gurdwara yang disediakan oleh JPBD SM.

Bagi kemudahan tempat letak kereta termasuk untuk golongan Orang Kurang Upaya yang dinyatakan di dalam Garis Panduan ini perlulah merujuk kepada Garis Panduan Perancangan Tempat Letak Kereta yang disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD SM).

3.1. Peruntukan Perundangan dan Dasar

Peruntukan perundangan dan dasar yang dirujuk dalam perancangan dan pembangunan kemudahan masyarakat adalah:

- i. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172];
- ii. Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171];
- iii. Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 50/1965](Seksyen 124A dan 204D);
- iv. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984;
- v. Akta Pendidikan 1996 [Akta 550];
- vi. Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506];
- vii. Akta Perkhidmatan Bomba 1998 [Akta 341];
- viii. Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685];
- ix. Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586];
- x. Dasar Sosial Negara, 2003;
- xi. Dasar Perbandaran Negara, 2006;
- xii. *Convention on the Rights of Persons with Disabilities*, 2006; dan
- xiii. Perundangan dan dasar lain berkaitan.

4. PRINSIP PERANCANGAN

Perancangan kemudahan masyarakat perlu berdasarkan kepada prinsip berikut:

i. Pengagihan Kemudahan Yang Seimbang

Pengagihan kemudahan masyarakat yang mencukupi dan seimbang mengikut hierarki, lokasi yang bersesuaian dan keperluan penduduk.

ii. Kemudahsampaian

Perancangan dan perletakan kemudahan masyarakat perlu berlandaskan konsep kejiranan yang mana menitikberatkan kemudahsampaian kepada pengguna dalam jarak berjalan kaki yang praktikal kepada semua golongan dengan penyediaan kemudahan seperti laluan pejalan kaki, kemudahan pengangkutan awam, lintasan pejalan kaki dan lain-lain lagi.

Perancangan dan perletakan kemudahan masyarakat juga perlu mengambil kira aspek keselamatan yang mana jalan masuk (akses) ke premis tidak dibenarkan dihubungkan dari jalan utama (jalan persekutuan JKR) sebaliknya hendaklah dihubungkan dari jalan tempatan. Ini adalah kerana jalan utama JKR mempunyai aliran trafik berkelajuan tinggi, sedangkan aliran kenderaan yang memasuki premis ini adalah berkelajuan rendah. Sekiranya premis diakses terus dari jalan utama akan berlakunya percampuran had kelajuan trafik yang akan membawa implikasi berlakunya kemalangan.

iii. Keselesaan dan Keselamatan

Susun atur dan reka bentuk kemudahan masyarakat perlu mengambil kira aspek keselesaan dan keselamatan orang ramai yang mana ia tidak dibina di kawasan yang berisiko bencana, bercerun dan berdekatan laluan talian rentis elektrik.

Tempat letak kereta dan ruang menunggu perlulah disediakan dengan mencukupi mengikut keperluan yang ditetapkan agar menyenangkan dan memberi keselesaan kepada orang ramai yang berkunjung ke premis kemudahan awam.

iv. Interaksi

Kemudahan masyarakat yang disediakan mestilah memupuk semangat kemesraan, menggalakkan interaksi penduduk dan bersesuaian dengan persekitaran serta budaya setempat.

v. Reka Bentuk

Reka bentuk atau seni bina bangunan hendaklah menekankan seni dan nilai estetik yang tinggi serta mencerminkan ciri budaya tempatan.

Elemen *Crime Prevention Through Environmental Design (CPTED)* dan reka bentuk sejagat (Universal Design) perlu diterapkan dalam reka bentuk bangunan dan komponen kemudahan sokongan seperti tandas, tempat letak kereta, lif dan sebagainya kerana penggunaannya meliputi semua golongan sama ada golongan dewasa, kanak-kanak, warga tua atau golongan kurang upaya (rujuk Garis

Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat (Universal Design), JPBD SM 2011).



Perpustakaan Awam Pekan Arau, Perlis. Julai, 2011



Sekolah Menengah Presint 9, Putrajaya. Julai, 2011


Foto 1: Reka Bentuk Bangunan Kemudahan Awam Yang Bercirikan Tempatan

Secara umumnya, konsep perancangan yang digunakan bagi penyediaan kemudahan masyarakat sebuah bandar adalah seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 1.0.

Bagi 1 unit kejuranan dengan anggaran penduduk seramai 5,000, kemudahan masyarakat yang perlu disediakan antaranya ialah sekolah rendah, balai raya, perpustakaan desa dan balai polis komuniti/pondok polis. Bagi 2 unit kejuranan, perlu disediakan 1 sekolah menengah yang mana perletakan yang sesuai adalah di antara 2 unit kejuranan tersebut.


Bagi 1 subbandar kemudahan masyarakat yang perlu disediakan ialah balai polis kategori C, klinik kesihatan dan kemudahan kebajikan seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 2.0.

RAJAH 1.0: Konsep Perancangan Penyediaan Kemudahan Masyarakat Bagi Sebuah Bandar



- | | | | | | | | |
|--|--------------------------------------|---|------------------------|---|--------------------------|---|--------------------------|
|  | 1 Unit Kejiranan
(5,000 penduduk) |  | 1 Sekolah Rendah |  | 5 Balai Polis Kategori C |  | 8 Sekolah Menengah |
|  | 1 Subbandar |  | 2 Perpustakaan Desa |  | 6 Klinik Kesihatan |  | 9 Balai Bomba Kategori C |
|  | Rangkaian Jalan |  | 3 Balai Polis Komuniti |  | 7 Kemudahan Kebajikan |  | Hospital |
| | |  | 4 Balai Raya | | | | |

RAJAH 2.0: Konsep Perancangan Penyediaan Kemudahan Masyarakat Bagi Sebuah Subbandar



5. GARIS PANDUAN UMUM DAN KHUSUS

5.1. Kemudahan Kesihatan

5.1.1. Kategori

- Kemudahan kesihatan terbahagi kepada kemudahan bagi perkhidmatan kesihatan primer, sekunder dan tertier. Perkhidmatan kesihatan primer merupakan kontak pertama pesakit dengan perkhidmatan kesihatan bagi kes-kes selain kecemasan. Ia disediakan di Klinik Kesihatan, Klinik Desa, Klinik Ibu dan Anak, Klinik Bergerak, Klinik 1Malaysia dan Klinik Bergerak 1Malaysia. Sekiranya pesakit memerlukan rawatan sekunder, pesakit akan dirujuk kepada hospital yang berdekatan.
- Rawatan sekunder hanya diberi di hospital sama ada mempunyai pakar atau tanpa pakar. Hanya hospital yang mempunyai pakar sahaja akan memberikan rawatan tertier (*tertiary treatment*).
- Untuk kes kecemasan, pesakit boleh terus ke Jabatan Kecemasan, hospital atau klinik berdekatan.
- Kategori dan kriteria kemudahan kesihatan terperinci adalah seperti di Jadual 1.0.

Jadual 1.0: Kategori dan Kriteria Kemudahan Kesihatan

Kategori	Kriteria
Hospital	Secara dasar, hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dikategorikan kepada hospital negeri termasuk Hospital Kuala Lumpur, hospital pakar, hospital tanpa pakar dan institusi perubatan/hospital khas.
Klinik Kesihatan	<p>Klinik kesihatan dirancang berdasarkan kepada anggaran kedatangan pesakit dalam sehari:</p> <p>KK Jenis I : Kedatangan 800 – 1000 pesakit/hari KK Jenis II : Kedatangan 500 – 800 pesakit/hari KK Jenis III : Kedatangan 300 – 500 pesakit/hari KK Jenis IV : Kedatangan 150 – 300 pesakit/hari KK Jenis V : Kedatangan 50 – 150 pesakit/hari KK Jenis VI : Kedatangan < 50 pesakit/hari</p> <p>Perkhidmatan asas yang disalurkan di semua jenis klinik kesihatan termasuk promosi kesihatan, rawatan kuratif, pencegahan dan pemulihan.</p> <p>Perkhidmatan pergigian disediakan di KK Jenis I hingga KK Jenis V.</p>
Klinik Desa	Klinik Desa disediakan di kawasan luar bandar yang menyediakan perkhidmatan kesihatan ibu dan anak serta rawatan ringan kepada pesakit luar, perkhidmatan saringan dan program komuniti.
Klinik Ibu dan Anak	<p>Menyediakan perkhidmatan ibu dan anak seperti penjagaan antenatal, post-natal dan perkhidmatan perancang keluarga.</p> <p>Perkhidmatan saringan kanser di kalangan wanita seperti pemeriksaan <i>pap-smear</i> (saringan kanser pangkal rahim) dan pemeriksaan payudara (saringan kanser payudara).</p>
Klinik Bergerak	Memberi penjagaan kesihatan asas kepada penduduk luar bandar yang sukar mendapatkan perkhidmatan kesihatan di klinik kesihatan statik sedia ada.
Klinik 1Malaysia	Memberi perkhidmatan kesihatan kepada penduduk bandar yang berpendapatan rendah. Menyediakan perkhidmatan rawatan ringan, rujukan kes ke hospital/klinik kesihatan bagi kes yang memerlukan rawatan lanjut serta khidmat/promosi kesihatan kepada pesakit.
Klinik Bergerak 1Malaysia	<p>Memberi perkhidmatan kesihatan kepada penduduk di kawasan luar bandar yang jauh daripada kemudahan statik sedia ada seperti di kawasan ladang, kampung tradisional dan penempatan pinggir Orang Asli.</p> <p>Menyediakan perkhidmatan rawatan pesakit luar, perkhidmatan kesihatan ibu dan anak (antenatal, postnatal, imunisasi dan perancang keluarga), perkhidmatan warga sihat, rawatan susulan kes penyakit kronik, rujukan kes dan prosedur rawatan ringan.</p>

Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia, 2011.



Hospital Sungai Buloh, Kuala Lumpur. Julai, 2011



Hospital Putrajaya, Putrajaya. Julai, 2011

Foto 2: Kemudahan Kesihatan – Hospital

5.1.2. Garis Panduan Umum (Awam/Swasta)

i. Perancangan Tapak dan Reka Bentuk

- Lokasi kemudahan kesihatan perlu bersesuaian dan mudah diakses oleh masyarakat setempat. Oleh itu, adalah lebih sesuai jika kemudahan kesihatan dibina berdekatan kawasan yang mempunyai kepadatan tinggi penduduk.
- Perancangan tapak kemudahan kesihatan mestilah selaras dengan cadangan dan strategi pembangunan Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.
- Keluasan tapak perlu mencukupi bagi penyediaan bangunan utama, tempat letak kenderaan, landskap, kemudahan sokongan, kuarters kakitangan (sekiranya perlu) serta keperluan

tambahan pembangunan masa hadapan.

- Kemudahan tempat letak kereta yang mencukupi dan tempat letak kereta khas untuk golongan kurang upaya perlu disediakan di lokasi yang bersesuaian.
- Sistem lalu lintas di kawasan kemudahan kesihatan perlu dibezakan di antara laluan kenderaan awam dan kenderaan kecemasan. Ini bagi membolehkan perkhidmatan kecemasan dapat disediakan dengan lebih cepat dan efisien.
- Sistem lalu lintas juga perlu teratur dan mempunyai lintasan laluan pejalan kaki yang selamat yang mengambil kira keperluan orang kurang upaya, warga tua dan kanak-kanak seperti penyediaan *ramp*.

- Reka bentuk dan susun atur kemudahan kesihatan hendaklah mengambil kira dan berfungsi sebagai pusat rawatan untuk semua golongan termasuk golongan kurang upaya.
- Reka bentuk bangunan hendaklah memastikan sistem peredaran udara dan pencahayaan yang mencukupi dan berkesan.
- Reka bentuk bangunan hendaklah mempunyai ruang atau laluan keluar yang selamat sekiranya berlaku kebakaran atau bencana alam.
- Kemasan (*finishes*) bangunan perlu sesuai bagi mengelak jangkitan penyakit.
- Pemilihan reka bentuk bangunan serta sistem perlu mengambil kira kos operasi dan penyelenggaraan yang minimum. Penerapan teknologi hijau dan teknologi lain yang menjimatkan tenaga/sumber hendaklah digalakkan.
- Pihak PBT perlu mengemukakan syarat kepada pemaju untuk menyediakan tapak/tanah bagi pembangunan kemudahan kesihatan seperti klinik dan hospital berdasarkan perancangan pembangunan penduduk di sesuatu kawasan terutama penempatan baru seperti kawasan perumahan dan bandar-bandar baru selaras dengan cadangan RT dan RKK.

ii. Kemudahan Sokongan

- Perlu mempunyai infrastruktur sokongan seperti bekalan air, elektrik dan komunikasi.
- Perlu mempunyai kemudahan sistem kawalan keselamatan bagi menjamin keselamatan pesakit, pelawat dan kakitangan.
- Perlu menyediakan ruang atau taman untuk beriadah yang berkonsepkan laman untuk bersiar-siar dalam kawasan yang selamat.
- Perlu menyediakan kemudahan sokongan seperti balai pelawat, ruang rehat, surau, kafetaria dan kemudahan-kemudahan lain untuk pelawat dan kakitangan.

5.1.3. Garis Panduan Khusus

- Perancangan pembangunan hospital adalah berdasarkan kepada anggaran nisbah keperluan katil kepada penduduk iaitu 1 katil bagi setiap 500 penduduk.
- Garis panduan khusus perancangan kemudahan kesihatan mengikut dua kategori iaitu awam dan swasta.

a) Kemudahan Kesihatan Awam

Garis panduan khusus kemudahan kesihatan awam terbahagi kepada 2 kategori mengikut hierarki bandar, julat/kepadatan penduduk dan kadar tekanan pembangunan, iaitu:

i. Kategori A:

Konurbasi Pertumbuhan Negara,
Konurbasi Pertumbuhan Wilayah,
Konurbasi Pertumbuhan Separa
Wilayah dan Konurbasi Pertumbuhan
Negeri

ii. Kategori B:

Konurbasi Pertumbuhan Daerah, Pusat
Petempatan Utama, Pusat Petempatan
Kecil.

(Rujuk Lampiran A: Hierarki Bandar di
Semenanjung Malaysia 2006-2020,
Dasar Perbandaran Negara, 2006)

- Klinik Kesihatan dan Klinik Desa digalakkan dibina secara integrasi atau di dalam satu bangunan bersama komponen kemudahan lain selaras dengan konsep pembangunan *Compact City* serta untuk mempermudah dan menyenangkan pengguna di samping mengurangkan mod perjalanan penduduk setempat. Pembinaan kemudahan Klinik Kesihatan dan Klinik Desa secara integrasi perlu merujuk kepada Bab 6.0, Jadual 21.0.
- Klinik 1Malaysia mengutamakan prinsip dan gagasan 1Malaysia iaitu 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' di mana perletakkannya berdekatan dengan kediaman serta menjimatkan kos rawatan kesihatan.

- Selaras dengan matlamat untuk memudahkan rakyat, perletakan Klinik 1Malaysia hendaklah dilokasi yang mudahsampaikan dan mensasarkan golongan berpendapatan rendah.



**Foto 3: Klinik 1Malaysia di Lokasi Tumpuan
Orang Ramai Seperti di Rumah-Rumah
Kedai**

Jadual 2.0 hingga 5.0 menunjukkan perincian garis panduan khusus bagi Hospital, Klinik Kesihatan, Klinik Desa dan Klinik 1Malaysia.

b) Kemudahan Kesihatan Swasta

- Perancangan untuk membina sebuah hospital swasta hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). KKM akan melihat dari segi keperluan dan justifikasi perancangan sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586].
 - Setelah mendapat kelulusan, permohonan menubuhkan hospital swasta hendaklah dibuat di mana reka bentuk dan spesifikasi kemudahan dalam bangunan hendaklah mematuhi keperluan di bawah Akta 586 dan Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) 2006.
 - Hospital swasta hendaklah mendapatkan lesen sebelum memulakan operasi. Lesen ini hanya diperakui sah untuk digunakan selama 2 tahun dan setiap hospital swasta perlu memperbaharui lesen sebelum tamat tempoh tersebut.
 - Kemudahan jagaan kesihatan lain seperti pusat hemodialisis swasta, rumah jagaan kejururawatan swasta dan kemudahan-kemudahan lain perlu mendapatkan kelulusan menubuhkan dan lesen sebelum beroperasi.
- Bagi klinik perubatan dan pergigian swasta pula, pendaftaran bagi menubuhkan atau mengendalikan klinik hendaklah dibuat dengan KKM berdasarkan Akta 586 dan Peraturan-Peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Klinik Perubatan Swasta atau Klinik Pergigian Swasta) 2006. Perakuan pendaftaran adalah sah selagi tidak dilupuskan, dipinda atau dipindah hak milik.



Foto 4: Komponen Utama Kemudahan Kesihatan

Jadual 2.0: Garis Panduan Khusus Hospital

Kategori	Hospital (Di Kawasan Kategori A)*						Hospital (Di Kawasan Kategori B)					
	>400,000	300,000 -	200,000 -	100,000 -	45,000 -	<45,000	>300,000	200,000 -	100,000 -	50,000 -	30,000 -	<30,000
Bilangan Penduduk		400,000	300,000	200,000	100,000			300,000	200,000	100,000	50,000	
Bilangan Katil	>800	600 -	400 -	200 -	90 -	<90	>600	400 -	200 -	100 -	60 -	<60
		800	600	400	200			600	400	200	100	
Keluasan Tapak Minimum	12 hek (>30 ek)	10 hek (25 ek)	8 hek (20 ek)	6 hek (15 ek)	4 hek (10 ek)	3 hek (7.5 ek)	12 hek (>30 ek)	12 hek (30 ek)	8 hek (20 ek)	8 hek (20 ek)	4 hek (10 ek)	4 hek (10 ek)
Komponen Utama	<ul style="list-style-type: none"> - Perkhidmatan Pesakit Luar – Jabatan Kecemasan, klinik pakar. - Perkhidmatan Pesakit Dalam – wad pesakit (wad pesakit biasa dan wad rawatan intensif). - Perkhidmatan Rawatan dan Diagnostik – Pengimejan, patologi, mortuari, bilik bersalin, dewan bedah, rawatan harian, Unit Hemodialisis dan lain-lain. - Perkhidmatan Sokongan Perubatan – Farmasi, Unit Bekalan dan Pensterilan, Unit Rehabilitasi Perubatan, stor perubatan dan lain-lain. 						<ul style="list-style-type: none"> - Perkhidmatan Sokongan Lain – catering, kejuruteraan, linen dan lain-lain. - Pentadbiran Hospital. - Latihan. - Kemudahan kakitangan – tempat letak kereta kakitangan, kuarters, bilik doktor atas panggilan dan lain-lain. 					
Komponen Kemudahan Sokongan Awam	<ul style="list-style-type: none"> - Tempat letak kereta awam. - Kantin/kafetaria. - Pusat asuhan kanak-kanak. - Surau. - Bilik/ruang rehat. - Laluan pejalan kaki. - Tempat menunggu. - Taman awam dan taman permainan kanak-kanak. 											

Sumber: Kajian Penyelidikan, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan JPBD SM, 2011 dan Kementerian Kesihatan Malaysia, 2011

Nota :

* *Keluasan minimum tapak (Kawasan Kategori A)* mengandaikan reka bentuk dan susun atur bangunan hospital dan kemudahan sokongan dibina secara menegak (vertical) untuk meminimumkan penggunaan ruang tanah dengan penyediaan kemudahan sokongan yang mencukupi, selesa, selamat dan efisien kepada pengguna.

Jadual 3.0: Garis Panduan Khusus Klinik Kesihatan

Kategori	Klinik Kesihatan (Di Kawasan Kategori A dan B)					
Kawasan perkhidmatan	Disediakan di kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan mudah sampai oleh masyarakat.					
Bilangan Penduduk	15,000 – 20,000					
Jenis Klinik	Jenis I	Jenis II	Jenis III	Jenis IV	Jenis V	Jenis VI
Bilangan Jangkaan Kedatangan Pesakit Sehari	800-1000 orang	500-800 orang	300-500 orang	150-300 orang	<150 orang	<50 orang
Keluasan tapak minimum	1.2 hektar (3.0 ekar) Nota : - Keperluan untuk membina klinik sahaja tanpa kuarters. - Bagi pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis II dan Jenis III) di kawasan-kawasan yang mempunyai keluasan tanah yang sangat terhad, pelan bangunan klinik kesihatan secara bertingkat/padat hendaklah disediakan dengan keluasan saiz tapak adalah kurang dari 2 ekar.					
Komponen Utama dan Sokongan	<u>Komponen Utama</u> - Klinik Ibu & Anak - Klinik Pesakit Luar (termasuk Unit Kecemasan) - Klinik Kesihatan Pergigian (Kecuali KK Jenis VI) <u>Komponen Sokongan</u> - Sokongan Klinikal termasuk Farmasi, Lab, X-Ray dan Rehabilitasi (KK Jenis 1 – KK Jenis III sahaja) - Pentadbiran - Stor perubatan - <i>Server Room</i> (pilihan) - Unit Rekod Perubatan - Kemudahan kakitangan seperti bilik rehat, tandas, tempat letak kereta kakitangan, dll.					
Komponen kemudahan sokongan	- Tempat letak kenderaan - Bilik Sembahyang - Tandas - Bilik Tukar Lampin - Bilik Penyusuan Bayi - Tempat menunggu					

Sumber: Kajian Penyelidikan, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan JPBD SM; 2011 dan Kementerian Kesihatan Malaysia, 2011.

Jadual 4.0: Garis Panduan Khusus Klinik Desa

Kategori	Klinik Desa
Kawasan Perkhidmatan	Disediakan di Pusat Petempatan Kecil dan kawasan luar bandar
Bilangan Penduduk	1000 - 4000 orang
Keluasan Minimum	0.4 hektar (1 ekar)
Koponen Utama	- Klinik ibu dan anak dan pesakit luar bagi kes-kes yang ringan
Komponen Kemudahan Sokongan	- Tempat letak kenderaan - Tandas - Bilik Tukar Lampin - Bilik Penyusuan Bayi - Tempat menunggu

Sumber: Kajian Penyelidikan, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan JPBD SM; 2011 dan Kementerian Kesihatan Malaysia, 2011.

Jadual 5.0: Garis Panduan Khusus Klinik 1Malaysia

Kategori	Klinik 1Malaysia
Kawasan perkhidmatan	- Disediakan di kawasan tumpuan ramai - Kawasan golongan berpendapatan rendah
Keluasan minimum	1 unit/lot rumah kedai
Komponen Utama	- Klinik Pesakit Luar bagi kes-kes yang ringan sahaja
Komponen kemudahan sokongan	- Tempat letak kenderaan - Tandas - Tempat menunggu

Sumber: Kajian Penyelidikan, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan JPBD SM; 2011; dan Kementerian Kesihatan Malaysia, 2011.

5.2. Kemudahan Pendidikan

5.2.1. Kategori

Kemudahan pendidikan terbahagi kepada 5 kategori seperti ditunjukkan dalam Jadual 6.0.

Jadual 6.0: Kategori Kemudahan Pendidikan

Kategori	Kriteria
i. Pra-sekolah/ Tadika	<ul style="list-style-type: none"> - Kemudahan pendidikan untuk peringkat umur 4 hingga 6 tahun. - Saiz kelas 25 (minimum). - Kemudahan pra-sekolah boleh disediakan di sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan, sekolah agama bantuan Kerajaan, sekolah menengah kerajaan, sekolah menengah teknik, Institut Pendidikan Guru Malaysia, rumah panjang di sarawak dan pusat komuniti di Sabah. - Lain-lain keperluan rujuk Garis Panduan Penubuhan Tadika dan TASKA, JPBD SM, 2012.
ii. Sekolah Rendah	<ul style="list-style-type: none"> - Kemudahan pendidikan untuk peringkat umur 6 hingga 12 tahun. - Saiz kelas 35 (minimum). - Termasuk sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan, sekolah agama dan juga sekolah swasta.
iii. Sekolah Menengah	<ul style="list-style-type: none"> - Kemudahan pendidikan untuk peringkat umur 13 hingga 17 tahun. - Disediakan bagi 2 atau 3 unit kejiranan. - Saiz kelas - 35 pelajar untuk satu sesi persekolahan. - Terdapat 3 jenis sekolah menengah iaitu: <ul style="list-style-type: none"> • Sekolah menengah; • Sekolah menengah agama; dan • Sekolah menengah swasta. - Terma Sekolah Menengah Teknik, Sekolah Menengah Vokasional, Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan Sekolah Menengah Berasrama Penuh adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan Malaysia.
iv. Sekolah Pendidikan Khas	<ul style="list-style-type: none"> - Kementerian Pendidikan Malaysia mentakrifkan Sekolah Pendidikan Khas disediakan kepada murid bermasalah penglihatan dan pendengaran. <p>3 peringkat pendidikan khas;</p> <p><i>a. Pra Sekolah</i></p> <ul style="list-style-type: none"> - Melibatkan golongan yang berumur 4 hingga 6 tahun; - Disahkan oleh pengamal perubatan; dan - Boleh mengurus diri tanpa bantuan orang lain. <p><i>b. Pelajaran Rendah</i></p> <ul style="list-style-type: none"> - Melibatkan golongan yang berumur 6 sehingga 14 tahun; - Disahkan oleh pengamal perubatan; dan - Tempoh belajar adalah 6 tahun dan boleh dilanjutkan maksimum dua 2 tahun.

Kategori	Kriteria
	<p>c. <i>Pelajaran Menengah</i></p> <ul style="list-style-type: none"> - Menyediakan 2 jenis aliran iaitu akademik dan vokasional; - Melibatkan golongan yang berumur 13 hingga 19 tahun; - Disahkan oleh pengamal perubatan; - Boleh mengurus diri tanpa bantuan orang lain; dan - Tempoh belajar adalah 5 tahun dan boleh dilanjutkan maksimum 2 tahun.
v. Institusi Pengajian Tinggi/Kolej/ Politeknik	Menyediakan pendidikan tinggi yang membawa kepada penganugerahan diploma, ijazah atau setaraf dengannya.

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011 dan Kajian Penyelidikan, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan JPBD SM, 2011



Sekolah Menengah Kebangsaan Presint 9, Putrajaya.
Julai, 2011



Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Salak
Tinggi. Julai, 2011

Foto 5: Kemudahan Pendidikan Kategori Sekolah Menengah

5.2.2. Garis Panduan Umum

i. Perancangan Tapak dan Reka Bentuk

- Perancangan kemudahan pendidikan mengikut kategori dan hierarki adalah berdasarkan kepada bilangan penduduk, lokasi, keluasan minimum dan keadaan tapak.
- Kemudahan pendidikan sekolah rendah dan menengah perlu terletak dalam jarak berjalan kaki dengan kawasan perumahan.
- Tapak sekolah tidak dibenarkan di kawasan berpaya, berbukit dan bercerun curam serta kawasan berisiko bencana seperti hakisan, tanah runtuh serta banjir, berdekatan laluan talian rentis elektrik dan kawasan industri berisiko tinggi.
- Kemudahan pendidikan perlu di lokasi yang kondusif untuk proses pengajaran dan pembelajaran, jauh dari kawasan industri, lapangan terbang, perlombongan, kuari dan lebuh raya serta mempunyai zon penampungan yang mengikut piawaian ditetapkan.
- Sekolah tidak dibenar diletakkan di sepanjang atau berhampiran jalan utama bagi mengelakkan kesesakan dan mengutamakan keselamatan. Sekolah hendaklah diletakkan dan dihubungi oleh jalan yang kurang lalu lintas iaitu laluan terus (*through access*) atau jalan *collector* kecil (*minor roads*).
- Sekolah perlu diletakkan berhampiran dengan perkhidmatan pengangkutan awam seperti bas, LRT dan sebagainya.
- Sekolah tidak dibenarkan diletakkan di tapak yang berhampiran dengan lorong, terowong, taman yang sunyi atau terpencil (*crime hot spot*).
- Tapak kemudahan pendidikan hendaklah mempunyai ciri fizikal yang baik di samping penyediaan padang permainan yang mempunyai sistem saliran sempurna dan berfungsi.
- Tapak sekolah hendaklah berasingan dari tapak rumah pangsa tetapi dalam jarak berhampiran dengan unit kediaman.
- Keluasan minimum tapak kemudahan pendidikan dalam Jadual 7.0, 8.0 dan 9.0 merujuk kepada tanah yang boleh dibangunkan. Pembinaan kemudahan yang mempunyai kawasan yang tidak boleh dibangunkan seperti di kawasan cerun curam ($\geq 25^\circ$), kawasan berpaya, *oddly-shaped tracts* dan keadaan tanah yang tidak sesuai untuk pembangunan memerlukan keluasan tambahan.
- Reka bentuk kemudahan pendidikan hendaklah menerapkan prinsip *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED) dan reka bentuk sejagat (Universal Design) ke arah mewujudkan persekitaran yang selamat, mesra pengguna dan selesa serta kondusif untuk proses pembelajaran dan pengajaran.

- Susun atur pelan sekolah dibahagikan kepada 4 zon utama mengikut fungsi ruang, iaitu:
 - a. Zon Pentadbiran;
 - b. Zon Akademik;
 - c. Zon Kediaman; dan
 - d. Zon Rekreasi.
 - Tapak sekolah rendah agama boleh diintegrasikan dengan balai raya atau kemudahan beribadat seperti masjid atau surau.
 - Perancangan tapak kemudahan pendidikan hendaklah selaras dengan cadangan dan strategi pembangunan dalam RT dan RKK yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.
 - Keluasan tapak kemudahan pendidikan hendaklah mencukupi untuk menampung keperluan pembangunan masa hadapan.
 - Reka bentuk bangunan kemudahan pendidikan hendaklah dilengkapi dengan kemudahan teknologi maklumat dan penerapan teknologi hijau (green technology) yang menjimatkan tenaga/sumber (energy saving) seperti sistem pengumpulan air hujan (rain water harvesting) dengan kos yang efektif dan penyelenggaraan yang minimum, penggunaan bahan kitar semula dan pemeliharaan sumber semula jadi.
 - Kawasan kemudahan pendidikan perlu dilandskap dengan pokok yang bersesuaian, menarik dan senang diselenggara bagi mewujudkan persekitaran yang ceria.
- ii. Sistem Perhubungan dan Kemudahan Sokongan**
- Sistem perhubungan perlu sistematik, teratur dan selamat kepada pengguna seperti pelajar, ibu bapa dan kakitangan sekolah.
 - Laluan bas sekolah dan kenderaan ibu bapa (*drop off and pick-up point*) perlu diasingkan dari lalu lintas utama melalui penyediaan lorong dan perhentian bas sekolah khas; dan penyediaan laluan keluar masuk alternatif.
 - *Lay-by* untuk bas perlu disediakan di luar kawasan sekolah dan tempat menunggu berbumbung perlu disediakan.
 - Kemudahan tempat letak kenderaan yang mencukupi perlu disediakan mengikut nisbah pelajar, kakitangan dan pelawat.
- 5.2.3. Garis Panduan Khusus**
- Garis panduan khusus Sekolah Rendah, Sekolah Menengah, Sekolah Pendidikan Khas dan IPT/Kolej/Politeknik Awam (Jadual 7.0, 8.0 dan 9.0) terbahagi kepada 2 kategori mengikut hierarki bandar, julat/kepadatan penduduk dan kadar tekanan pembangunan, iaitu:

i. Kategori A:

Konurbasi Pertumbuhan Negara, Konurbasi Pertumbuhan Wilayah, Konurbasi Pertumbuhan Separa Wilayah dan Konurbasi Pertumbuhan Negeri.

ii. Kategori B:

Konurbasi Pertumbuhan Daerah, Pusat Petempatan Utama dan Pusat Petempatan Kecil.

(Rujuk Lampiran A: Hierarki Bandar di Semenanjung Malaysia 2006-2020, Dasar Perbandaran Negara, 2006)

i. Sekolah Rendah

- Perancangan sekolah rendah perlu mengikut hierarki berdasarkan bilangan penduduk dan lokasi. Selain itu, anggaran jumlah kanak-kanak yang bersekolah rendah adalah 13 peratus daripada jumlah penduduk.
- Reka bentuk dan susun atur perlu mengikut garis kontur dan bentuk muka bumi serta disesuaikan dengan perancangan landskap.
- Penyediaan sekolah rendah bergantung kepada keperluan dan 3 jenis sekolah rendah, iaitu:
 - a. Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK);
 - b. Sekolah Rendah (J) Kebangsaan (SRJK); dan
 - c. Sekolah Rendah Agama (SRA).
- Penentuan jenis sekolah rendah adalah tertakluk kepada keperluan dan kelulusan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Lintasan pejalan kaki atau lampu isyarat perlu disediakan di kawasan menurunkan (drop off) dan mengambil (pick-up point) pelajar bagi tujuan keselamatan.
- Jarak/masa perjalanan ke sekolah rendah dari kawasan kediaman adalah dalam jarak berjalan kaki (400 meter).

Jadual 7.0: Garis Panduan Khusus Sekolah Rendah

Jenis/Bilangan Bilik Darjah	Tadahan Penduduk	Keluasan Tapak Minimum *		Nisbah Murid/Kelas
		Tanah Rata	Bukit & Cerun Landai	
Kawasan Kategori A				
13 bilik darjah	4,500 penduduk	1 - 2 hek (2.5 – 5 ek)	1.5 – 3 hek (4 – 8 ek)	45 pelajar/kelas
22 bilik darjah	7,500 penduduk			
32 bilik darjah	11,000 penduduk			
43 bilik darjah	15,000 penduduk			
Kawasan Kategori B				
12 bilik darjah	3,000 penduduk	2 - 4 hek (5 - 10 ek)	3 - 4 hek (8 - 10 ek)	35 pelajar/kelas
24 bilik darjah	6,000 penduduk			
30 bilik darjah	7,500 penduduk			
40 bilik darjah	10,800 penduduk			
Komponen kemudahan sokongan:				
<ul style="list-style-type: none"> - Pejabat Pentadbiran dan Pengetua - Bilik Guru - Perpustakaan - Bengkel dan Bilik Makmal - Kantin - Dewan - Padang permainan/Padang Bola Sepak - Taman Riadah - Bola Jaring - Gelanggang Permainan - Bilik Air dan Tandas - Pondok Pengawal - Tempat Pembuangan Sampah 		<ul style="list-style-type: none"> - Tempat letak kereta/kenderaan bagi kakitangan dan pelawat - <i>Lay-by</i> untuk bas/kereta - Laluan Pejalan Kaki - Surau/Bilik Sembahyang - Menara Tangki Air dan Pencawang Elektrik (Jika Perlu) - Makmal Komputer - Kuarters kediaman - <i>Ramp</i> - Tandas OKU - Laluan mudah OKU - <i>Hand rail</i> - Stor - Jarak perjalanan di dalam lingkungan 0.4 hingga 0.8km dari kediaman dengan masa perjalanan 10 minit berjalan kaki. 		

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kajian Penyelidikan, Bahagian Penyelidikan dan PembangunanJPBD SM; 2011

Nota :

- 1.* *Keluasan tapak minimum (Kawasan Kategori A)* mengandaikan reka bentuk dan susun atur bangunan kemudahan pendidikan dibina secara vertical/menegak untuk meminimumkan penggunaan ruang tanah dengan penyediaan kemudahan sokongan yang mencukupi, selesa, selamat dan efisien kepada pengguna.
2. *Komponen kemudahan sokongan bagi sekolah rendah yang dibina di kawasan Kategori A yang mempunyai keluasan ruang tanah yang terhad, memerlukan kaedah penyediaan kemudahan sokongan secara kreatif dan inovatif bersesuaian dengan keluasan tapak yang ada seperti penyediaan gelanggang permainan secara indoor, tempat letak kereta secara bertingkat dan sebagainya.*

ii. Sekolah Menengah

- Perancangan sekolah menengah hendaklah mengikut hierarki berdasarkan bilangan penduduk, lokasi dan jenis; seperti Jadual 8.0.
- Anggaran jumlah kanak-kanak yang bersekolah menengah adalah 10 peratus daripada jumlah penduduk iaitu bergantung kepada jumlah kumpulan umur 13 sehingga 17 tahun.

Jadual 8.0: Garis Panduan Khusus Sekolah Menengah

Jenis Sekolah Menengah	Tadahan Penduduk		Keluasan Minimum Tapak *						Lokasi Sesuai	Komponen Kemudahan Sokongan
			Tanah Rata		Bukit dan Cerun Landai		Nisbah Murid/ Kelas			
	Kawasan Kategori A	Kawasan Kategori B	Kawasan Kategori A	Kawasan Kategori B	Kawasan Kategori A	Kawasan Kategori B	Kawasan Kategori A	Kawasan Kategori B		
- Perpustakaan Cawangan, Perpustakaan Pekan dan Perpustakaan Desa digalakkan untuk dibina secara integrasi di dalam sebuah bangunan bersama komponen kemudahan lain bagi mempermudah dan melancarkan urusan penduduk setempat. Pembinaan kemudahan perpustakaan awam secara integrasi perlulah merujuk kepada Bab 6.0, Jadual 21.0.

5.7. Kemudahan Kebajikan

5.7.1. Kategori

Kemudahan kebajikan dikategorikan kepada 3, iaitu:

i. Kanak-Kanak

Akta Kanak-Kanak 2001 mendefinisikan kanak-kanak sebagai seseorang di bawah umur lapan belas (18) tahun.

Di bawah kemudahan kebajikan kanak-kanak, satu perkhidmatan telah diwujudkan iaitu Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK). Ia merupakan satu usaha yang menyeluruh, sistematik dan berkesan dalam usaha mencegah penganiayaan dan pengabaian kanak-kanak. Pusat ini diuruskan oleh Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak dibawah Akta Kanak-Kanak 2001.

Terdapat 142 buah PAKK di seluruh negara. Pusat ini dibangunkan mengikut sesuatu isu dan keperluan setempat serta peringkat umur kanak-kanak yang memerlukan

perkhidmatan. Ini akan membantu dalam merancang penyediaan program dan tempoh masa yang dijalankan di PAKK.

ii. Warga Emas

Warga emas ditakrifkan sebagai mereka yang berumur 60 tahun ke atas. Takrifan ini berpandukan takrifan yang dibuat di "World Assembly On Ageing 1982" di Vienna.

Satu perkhidmatan khusus di bawah kemudahan kebajikan warga emas yang dikenalpasti dalam Pelan Tindakan Dasar Warga Emas Negara ialah pewujudan Pusat Jagaan Harian Warga Emas (PJHWE) yang kini dikenali sebagai Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE).

Pusat ini menjalankan pelbagai aktiviti dan program untuk warga emas yang berumur 56 tahun ke atas, sihat tubuh badan dan boleh menguruskan diri tanpa bantuan. Terdapat 22¹ buah PAWE di seluruh Negara.

iii. Orang Kurang Upaya

Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685] mendefinisikan orang kurang upaya (OKU) sebagai mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan

¹ Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2013.

berkesan mereka dalam masyarakat. Bagi tujuan pendaftaran, OKU dibahagikan mengikut kategori seperti berikut:

- a. Penglihatan;
- b. Pendengaran;
- c. Fizikal;
- d. Pembelajaran;
- e. Pertuturan; dan
- f. Mental pelbagai (multiple disabilities).

Satu perkhidmatan di bawah kemudahan kebajikan Orang Kurang Upaya ialah Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK). Ia merupakan satu strategi di dalam pembangunan komuniti untuk rehabilitasi, penyamaan peluang dan integrasi sosial OKU. Terdapat 428 buah PDK di seluruh negara.

Ia dilaksanakan melalui penglibatan aktif OKU, keluarga dan masyarakat setempat dengan disokong oleh perkhidmatan kesihatan, pendidikan, vokasional dan sosial serta menggunakan sumber tempatan.

PDK ditumpukan kepada OKU yang memerlukan pemulihan dan latihan asas dari segi pergerakan, pertuturan, pendidikan khas dan kemahiran dalam aktiviti kehidupan harian.

Ia dibuka kepada OKU dari semua jenis ketidakupayaan dan peringkat. Pendekatan yang diamalkan adalah melalui kerjasama bersepadu pelbagai sektor dalam perancangan dan penyediaan perkhidmatan serta kemudahan yang diperlukan. PDK juga merupakan satu alternatif kepada pemulihan dalam institusi.

iv. Dasar Pembangunan

Perancangan reka bentuk bagi ketiga-tiga kategori kemudahan kebajikan ini perlu mengambil kira reka bentuk sejagat (Universal Design) iaitu menyediakan kemudahan dan peralatan yang dapat digunakan oleh semua golongan sama ada orang dewasa, kanak-kanak, OKU dan juga warga emas.

Jadual 19.0: Kategori Kemudahan Kebajikan

	Kategori	Perkhidmatan	Kriteria/Peranan
1.	Kanak-Kanak	Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK)	<ul style="list-style-type: none"> - Tempat perlindungan: Menyediakan pelbagai aktiviti yang sesuai dengan peringkat umur kanak-kanak. - Pusat advokasi: Mengadakan ceramah/kursus pendek kepada masyarakat, ibu bapa dan kanak-kanak. - Pusat sumber: Menyediakan bahan bacaan/rujukan untuk kanak-kanak. - Pusat Pembelajaran: Kelas bimbingan/komputer/kelas keagamaan/kelas lukisan/kelas drama/pidato/deklamasi sajak. - Pusat Intervensi Krisis: Menyediakan sesi kaunseling. - Pusat Sosial/Sukan/Rekreasi: Sukan/riadah/program kebudayaan/kesenian dan sebagainya.
2.	Warga Emas	Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)	<ul style="list-style-type: none"> - Menyediakan tempat selamat bagi warga emas yang masih sihat untuk beraktiviti, berinteraksi sesama mereka dan dengan masyarakat secara aktif.
3.	Golongan Kurang Upaya (OKU)	Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)	<ul style="list-style-type: none"> - Pusat Intervensi Awal OKU: Menyediakan latihan dan pemulihan asas kepada OKU. - Pusat Sumber Maklumat OKU: Menyediakan bahan bacaan/rujukan/informasi mengenai OKU. - Pusat Rujukan OKU: Sebagai tempat aktiviti komuniti melibatkan kesihatan, pendidikan khas dan sosial. - Pusat Advokasi: Mengadanceramah/kursus pendek kepada masyarakat, ibu bapa dan OKU.

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2012.



Foto 11: Ruang Aktiviti dan Multisensori di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)

5.7.2. Garis Panduan Umum

i. Perancangan Tapak dan Reka Bentuk

- Perancangan kemudahan kebajikan adalah berdasarkan kepada bilangan penduduk kumpulan tertentu iaitu kanak-kanak, warga emas dan golongan kurang upaya di peringkat tempatan yang memerlukan perkhidmatan kebajikan.
- Kemudahan perlu terletak berhampiran kawasan perumahan bagi memudahkan penglibatan komuniti dan juga

kemudahsampaian kepada kumpulan sasaran yang memerlukan perkhidmatan.

- Kemudahan ini tidak digalakkan di sepanjang atau berhampiran jalan utama untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas dan bagi menjamin keselamatan kanak-kanak, warga emas dan OKU.
- Kemudahan perlu disediakan di kawasan yang boleh mewujudkan persekitaran mesra pengguna terutama kepada kanak-kanak, warga emas dan golongan kurang upaya termasuk menyediakan landskap yang bersesuaian.

- Tapak perlu mempunyai keluasan mencukupi untuk menampung pembangunan akan datang.
- Reka bentuk bangunan perlulah fleksibel, berfungsi, mempunyai seni bina yang menarik dan mudah diselenggara.
- Reka bentuk bangunan juga perlulah bercirikan sejagat (*universal design*) yang menggalakkan pergerakan tanpa halangan (*barrier-free*) terutama untuk warga emas dan golongan kurang upaya.
- Tempat letak kereta yang mencukupi dan ruang *pick-up point* di pintu masuk bangunan perlu disediakan.
- Ruang riadah/padang permainan/kawasan untuk aktiviti berkebun dengan meja dan tempat duduk untuk menggalakkan interaksi sosial perlu disediakan.
- Kawasan menunggu perlulah berbumbung dengan tempat duduk yang mencukupi dan mempunyai ruang pemandangan kenderaan masuk.
- Laluan pejalan kaki perlu dilandskap menggunakan pokok yang bersesuaian, tidak menghalang pandangan dan berfungsi memberi teduhan kepada pejalan kaki.
- Perancangan tapak kemudahan kebajikan hendaklah selaras dengan Cadangan dan Strategi Pembangunan Rancangan Tempatan dan Pelan Susun Atur yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.
- Penyediaan pusat perkhidmatan kanak-kanak, warga emas dan OKU di lot tengah dan tepi bangunan kediaman hendaklah dikenalpasti di peringkat penyediaan Rancangan Pemajuan dan Kebenaran Merancang. Ini bagi memastikan penyediaan pusat perkhidmatan ini tidak menimbulkan kacau ganggu kepada penduduk setempat.

5.7.3. Garis Panduan Khusus

Garis panduan khusus bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan untuk kanak-kanak, warga emas dan golongan kurang upaya adalah seperti di Jadual 20.0.

Jadual 20.0: Garis Panduan Khusus Kemudahan Kebajikan

	Kemudahan Kebajikan	Bilangan Tampungan	Keluasan Tapak Minimum	Komponen	Ukuran Minimum Kemudahan Sokongan (meter persegi)
1	Kanak-kanak	30 orang/ perkhidmatan kanak	Tapak: 0.2 – 1.0 Ekar Keluasan Minimum Ruang Aktiviti Untuk 1 Orang: 3.5 mp Keluasan Lantai: 600 mp	<p>Komponen Utama Kaunter Pejabat Ruang Rehat Ruang Aktiviti Ruang Makan Bilik Tidur Lelaki Bilik Tidur Perempuan Bilik Suis Tandas dan Bilik Mandi Lelaki Tandas dan Bilik Mandi Perempuan</p> <p>Komponen Kemudahan Sokongan Tempat letak kereta Rumah sampah Garaj kenderaan Wakaf Pagar kawasan Jalan keluar/masuk Lampu jalan Landskap Kejur dan Lembut (Hard and Soft Landscape)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Ruang aktiviti * <ul style="list-style-type: none"> • Kanak-kanak 105m² • Bilik bacaan - Bilik rehat 49m² - Pejabat (untuk 5 org kakitangan) & stor 49m² - Bilik serbaguna 49m² - Dapur dan ruang makan 100m² - Bilik sembahyang ✓ 75m² - Tandas dan bilik air ✓ 36m² - - Padang permainan/riadah - Tempat letak kereta <p>Nota</p> <ul style="list-style-type: none"> * Pengiraan asas keluasan minimum ruang aktiviti adalah; - Kanak-kanak (bawah umur 10 tahun) <p>✓ Disediakan 2 unit berasingan untuk lelaki dan wanita</p>
Nota: Kemudahan kebajikan kanak-kanak disediakan 1 bagi setiap daerah (minimum)					
2	Warga emas	30 orang/ perkhidmatan warga emas	Tapak: 0.7 – 1.0 Ekar Keluasan Minimum Ruang Aktiviti Untuk 1 Orang: 3.0 mp Keluasan Lantai: 750 mp	<p>Komponen Utama Kaunter Pejabat Ruang Rehat Ruang Aktiviti Ruang Makan Bilik Tidur Lelaki Bilik Tidur Perempuan Bilik Suis Tandas dan Bilik Mandi Lelaki Tandas dan Bilik Mandi Perempuan</p> <p>Komponen Kemudahan Sokongan Tempat letak Rumah sampah Garaj kenderaan Wakaf Pagar kawasan Jalan keluar/masuk Lampu jalan Landskap Kejur dan Lembut (Hard and Soft Landscape)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Ruang aktiviti * <ul style="list-style-type: none"> • Warga emas 90m² • Bilik bacaan - Bilik rehat 49m² - Pejabat (untuk 5 org kakitangan) & stor 49m² - Bilik serbaguna 49m² - Dapur dan ruang makan 100m² - Bilik sembahyang ✓ 75m² - Tandas dan bilik air ✓ 36m² - - Padang permainan/riadah - Tempat letak kereta <p>Nota</p> <ul style="list-style-type: none"> * Pengiraan asas keluasan minimum ruang aktiviti adalah; - Warga emas <p>✓ Disediakan 2 unit berasingan untuk lelaki dan wanita</p>
Nota: Kemudahan kebajikan warga emas disediakan 2 bagi setiap negeri (minimum)					

Kemudahan Kebajikan	Bilangan Tampungan	Keluasan Tapak Minimum	Komponen	Ukuran Minimum Kemudahan Sokongan (meter persegi)
3 Orang Kurang Upaya (Pemulihan Dalam Komuniti) (PDK)		Tapak : 0.6 – 1.0 ekar Keluasan Minimum Ruang Aktiviti Untuk 1 Orang : 3.0 mp Keluasan Lantai : 1600 mp Nota : Mengikut kesesuaian premis dan bangunan.	Komponen Utama Bahagian Pentadbiran Lobi OKU Ruang Pejabat Bilik Petugas Bilik Kaunseling Bilik Fotostat Bilik Mesyuarat Bilik Seminar Bilik Audio Visual Bilik <i>Snoozelan</i> Setor Tandas Lelaki Tandas Perempuan Tandas Mesra OKU AHU Bilik Pantri Bilik Suis Surau Lelaki Surau Perempuan Bahagian Latihan (PDK One Stop Centre) Pusat Intervensi Awal Pusat Latihan Berdikari Pusat Latihan Vokasional Bilik Aktiviti PDK Net Pusat Khidmat Nasihat Pusat Sumber Dapur Ruang Makan Setor Komponen Kemudahan Sokongan Tempat letak kereta Tempat letak kereta berbumbung Pagar kawasan Jalan keluar/masuk Laluan berbumbung Lampu jalan Landskap Kejur dan Lembut (Hard and Soft Landscape) Lampu keselamatan	<ul style="list-style-type: none"> • Ruang aktiviti * <ul style="list-style-type: none"> • Golongan Kurang Upaya 90m² • Bilik bacaan - Bilik rehat 49m² - Pejabat (untuk 5 org kakitangan) & stor 49m² - Bilik serbaguna 49m² - Dapur dan ruang makan 100m² - Bilik sembahyang ✓ 75m² - Tandas dan bilik air ✓ 36m² - Padang permainan/riadah - Tempat letak kereta <p>Nota</p> <ul style="list-style-type: none"> * Pengiraan asas keluasan minimum ruang aktiviti adalah; - Golongan kurang upaya ✓ Disediakan 2 unit berasingan untuk lelaki dan wanita

Nota: Kemudahan kebajikan orang kurang upaya (OKU) disediakan 2 bagi setiap daerah (minimum)

Nota: Semua komponen utama dan sokongan hendaklah disediakan berdasarkan kepada konsep reka bentuk sejagat (universal design)

6. PENYEDIAAN KEMUDAHAN MASYARAKAT SECARA INTEGRASI

- Penyediaan kemudahan masyarakat secara integrasi merujuk kepada perletakan komponen kemudahan dalam sebuah bangunan atau perletakan secara berpusat.

Rajah 4.0: Contoh Konsep Penyediaan Kemudahan Secara Integrasi/Gunasama Bangunan



- Penyediaan kemudahan masyarakat secara berpusat adalah digalakkan selaras dengan konsep *compact city*.
- Perancangan pembangunan kemudahan masyarakat secara gunasama/berpusat hendaklah mengambil kira keperluan semua lapisan masyarakat termasuk golongan kanak-kanak, warga emas dan OKU.
- Isu berkaitan pemilikan, kos, pihak bertanggungjawab membina bangunan, pengurusan dan penyelenggaraan, *custodian*, serta jenis komponen kemudahan perlu dikenalpasti di peringkat perancangan bagi penyediaan kemudahan masyarakat secara integrasi/gunasama bangunan.

- PBT hendaklah mengenakan syarat kepada pemaju untuk menyediakan ruang kemudahan dengan mengenalpasti aras/perletakan kemudahan, keluasan lantai serta minimum 3 jenis kemudahan yang perlu disediakan.
- 6 jenis kemudahan masyarakat yang boleh dibangunkan secara integrasi adalah:
 - i. Pusat Komuniti;
 - ii. Perpustakaan Awam;
 - iii. Perkhidmatan kebajikan;
 - iv. Tadika;
 - v. TASKA; dan
 - vi. Klinik.
- Pengintegrasian komponen kemudahan masyarakat adalah tertakluk kepada dasar pelaksanaan oleh agensi berkaitan.
- PBT sebagai pihak berkepentingan (stakeholder) berperanan untuk mengadakan rundingan bersama agensi pelaksana bagi menyediakan kemudahan masyarakat di dalam satu bangunan dengan mengenalpasti:
 - i. Jenis komponen kemudahan;
 - ii. Pemilikan kemudahan/agensi pelaksana;
 - iii. Perletakan dan keluasan ruang kemudahan; dan
 - iv. Tanggungjawab penyelenggaraan dan pengurusan kemudahan (kos/peruntukan kewangan dan tanggungjawab pihak pengoperasian).

- Penyediaan kemudahan masyarakat secara integrasi sama ada berpusat atau susunan menegak (vertical) mengikut tingkat adalah merupakan alternatif kepada pemaju terutamanya bagi pembangunan berskala kecil di kawasan bandar berkepadatan tinggi yang mempunyai ruang tanah yang terhad.
- Pembinaan bangunan kemudahan integrasi adalah melalui dua kaedah, iaitu sama ada dibina oleh pemaju atau PBT.
- Sekiranya pemaju dikehendaki membina bangunan kemudahan integrasi secara percuma, PBT perlulah memberi insentif kepada pemaju.
- Agensi pelaksana perlu membeli ruang kemudahan di bangunan kemudahan integrasi yang dibina oleh pemaju dan kos pembelian adalah di bawah tanggungan agensi pelaksana yang bertanggungjawab.
- Sekiranya PBT dipertanggungjawabkan untuk membina bangunan kemudahan integrasi, kos pembinaan adalah dengan bantuan peruntukan daripada Kementerian atau agensi berkaitan berdasarkan persetujuan bersama di peringkat awal perancangan.
- Pembangunan kemudahan masyarakat secara integrasi perlu berdekatan kawasan perkhidmatan seperti terminal pengangkutan awam. Ini bagi mengoptimumkan kemudahsampaian penduduk setempat dan mengurangkan mod pergerakan selaras dengan sasaran Kerajaan untuk mengurangkan pelepasan intensiti karbon sehingga 40% menjelang tahun 2020 [Persidangan COP 15, Copenhagen, 2009].
- Bangunan hendaklah menerapkan ciri-ciri reka bentuk sejagat (universal design) bagi memastikan kemudahan masyarakat yang mesra pengguna.
- Pembangunan kemudahan secara integrasi perlu disediakan dengan kawasan riadah di atas tanah di mana perletakannya tidak memerlukan pengguna melintas jalan utama atau pembinaan taman atas bumbung yang selamat dan selesa. Penyediaan taman atas bumbung perlulah merujuk kepada Garis Panduan Perancangan Taman Atas Bumbung yang disediakan oleh JPBD SM, April 2012 atau terkini.

Jadual 21.0: Keluasan Lantai Minimum Kemudahan Yang Disediakan Secara Integrasi/Bangunan Gunasama

Bil	Komponen Kemudahan	Keluasan Lantai Minimum
1	Kesihatan	
	i. Klinik Kesihatan	
	Jenis I	8,500 - 12,000 mp
	Jenis II	7,500 - 8,000 mp
	Jenis III	2,650 - 6,000 mp
	Jenis IV	Kurang dari 2,650 mp
	Jenis V	Kurang dari 2,650 mp
	ii. Klinik Desa	420 - 450 mp
iii. Klinik 1Malaysia	130 mp	
2	Pusat Komuniti	
	i. Dewan Serba Guna	1,000 mp
	ii. Dewan Orang Ramai	750 mp
	iii. Balai Raya	500 mp
3	Perpustakaan	
	i. Perpustakaan Cawangan A	3,900 mp
	ii. Perpustakaan Cawangan B	2,200 mp
	iii. Perpustakaan Pekan A	1,700 mp
	iv. Perpustakaan Pekan B	1,100 mp
	v. Perpustakaan Desa A	750 mp
	vi. Perpustakaan Desa B	515 mp
	vii. Perpustakaan Desa C	300 mp
4	Kemudahan Kebajikan	
	i. Kanak-Kanak	3.5 mp/kanak-kanak (tidak termasuk ruang dapur, stor, tandas, pejabat, tempat laluan).
	ii. Warga Emas	3.0 mp/warga emas (tidak termasuk ruang dapur, stor, tandas, pejabat, tempat laluan).
	iii. Orang Kurang Upaya	3.0 mp/OKU (tidak termasuk ruang dapur, stor, tandas, pejabat, tempat laluan).

Sumber : Kajian Penyelidikan, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, JPBD SM. 2011.

Nota: Untuk kemudahan Tadika dan TASKA secara integrasi sila rujuk Garis Panduan Penubuhan Tadika dan TASKA, JPBD SM, 2011.

7. MEKANISME PELAKSANAAN KEMUDAHAN MASYARAKAT DALAM PEMBANGUNAN

Secara umumnya, pelaksanaan kemudahan masyarakat melibatkan agensi di peringkat Persekutuan, Negeri dan Tempatan, seperti di Jadual 22.0.

Maklumat kemudahan masyarakat yang disediakan oleh setiap agensi peneraju (*lead agency*) perlulah boleh diakses atau disalurkan kepada agensi berkaitan agar penilaian keperluan kemudahan dapat dijalankan. Disamping itu, perancangan kemudahan yang seimbang dapat

dilaksanakan bagi memastikan isu dan masalah berkaitan telah diambil kira.

Sektor swasta digalakkan untuk terlibat di dalam penyediaan kemudahan masyarakat berasaskan *Corporate Social Responsibility* (CSR), pihak pemaju bertanggungjawab untuk menyedia dan menyumbang tapak manakala pihak Kerajaan bertanggungjawab membina dan menyelenggara bangunan kemudahan masyarakat.

Jadual 22.0: Peranan Agensi Dalam Membangunkan Kemudahan Masyarakat

Bil	Agensi	Peranan
i	Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan/JPBD Semenanjung Malaysia	<ul style="list-style-type: none"> Agensi peneraju dalam merancang keperluan kemudahan masyarakat di peringkat nasional, negeri dan tempatan.
ii	Pihak Berkuasa Negeri Pegawai Pembangunan Negeri Pengarah JPBD Negeri	<ul style="list-style-type: none"> Agensi peneraju untuk meluluskan tapak kemudahan masyarakat. Penyelaras program di peringkat negeri. Menyediakan inventori maklumat asas kemudahan masyarakat.
iii	Pihak Berkuasa Tempatan	<ul style="list-style-type: none"> Agensi peneraju untuk menyedia, memaju dan menyelenggara kemudahan masyarakat di dalam kawasannya selaras dengan peranan yang diperuntukkan oleh perundangan.

Jadual 23.0: Agensi Bertanggungjawab Dalam Pembangunan Kemudahan Masyarakat

Agensi Bertanggungjawab				
Komponen Kemudahan	Perancangan Tapak	Menyedia dan Menyumbang Tapak *	Pembinaan Bangunan	Penyelenggaraan
i. Kesihatan	JPBD/Kementerian Kesihatan	Pemaju	Kementerian Kesihatan	Kementerian Kesihatan
ii. Pendidikan	JPBD/Kementerian Pendidikan Malaysia	Pemaju	Kementerian Pendidikan Malaysia	Kementerian Pendidikan Malaysia
iii. Keselamatan - Polis	JPBD/Kementerian Dalam Negeri/ PDRM	Pemaju	Kementerian Dalam Negeri/ PDRM	PDRM
iv. Bomba dan Penyelamat	JPBD/KPKT	Pemaju	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
v. Pusat Komuniti	JPBD/PBT	Pemaju	Pihak Berkuasa Tempatan	PBT
vi. Perpustakaan awam	JPBD/Perpustakaan Negara	Pemaju	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri/PBT
vii. Kebajikan	JPBD/Jabatan Kebajikan Masyarakat	Pemaju	Jabatan Kebajikan Masyarakat	PBT
viii. Penyediaan kemudahan masyarakat di kawasan perumahan sedia ada (tapak sedia ada tetapi belum dibangunkan)**	Telah dirancang oleh JPBD	PBT menyedia tapak dan peruntukan dari KPKT	PBT membina bangunan dan peruntukan dari KPKT dan Kementerian berkenaan	PBT dan Kementerian masing-masing

Nota:

* *Menyedia dan menyumbang* : merujuk kepada penyediaan tapak dalam keadaan tanah rata dan penyediaan infrastruktur asas seperti sistem perparitan dan jalan.

** *Bagi mengelakkan pembaziran tanah, rizab/tapak kemudahan masyarakat tidak dibangunkan, agensi pelaksana diberi tempoh 5 tahun dari tarikh kelulusan KM untuk memajukan tapak kemudahan. Jika tidak dimajukan PBN boleh menukar syarat untuk kegunaan awam yang lain.*

Mekanisme pelaksanaan kemudahan masyarakat boleh dibuat melalui dua alternatif iaitu Rancangan Pemajuan dan Kebenaran Merancang.

7.1. Pelaksanaan Kemudahan Masyarakat Melalui Rancangan Pemajuan

Pelaksanaan kemudahan masyarakat melalui Rancangan Pemajuan meliputi peringkat perancangan, pemajuan dan penyelenggaraan.

i. Peringkat Perancangan

- Perancangan dan pengenalpastian tapak kemudahan masyarakat semasa penyediaan Rancangan Tempatan (RT)/Rancangan Kawasan Khas (RKK) adalah melalui program kolaborasi perancangan di antara Pasukan Kajian, JPBD Negeri dan PBT bersama agensi pelaksana.
- Pengenalpastian tapak di dalam RT/RKK hendaklah dibuat secara *site specific* dan keutamaan pembangunan perlu dikenalpasti bagi tujuan rujukan untuk penyediaan Rancangan Malaysia Lima Tahun.
- JPBD berperanan sebagai agensi peneraju (lead agency) untuk memberi nasihat dari aspek perancangan tapak kemudahan masyarakat mengikut bilangan tadahan penduduk dan keperluan terknikal seperti yang terkandung di dalam Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat.
- Pasukan Kajian/JPBD Negeri/PBT bertanggungjawab untuk mengenalpasti tapak kemudahan masyarakat semasa proses penyediaan RT/RKK bagi menangani isu yang melibatkan pembangunan berskala kecil di mana tapak kemudahan masyarakat tidak dapat disediakan.
- Setelah dokumen RT/RKK diluluskan, Pengarah JPBD Negeri bertanggungjawab untuk menyenaraikan semua kemudahan masyarakat yang terkandung dalam RT/RKK untuk makluman dan perakuan Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN).
- JPBD Negeri selaku Urusetia JPN atau PBT perlu memaklumkan kepada agensi/kementerian pelaksana berkenaan tentang senarai kemudahan masyarakat dengan mengedarkan jilid/sector kemudahan masyarakat yang terkandung dalam RT/RKK.
- Sekiranya, agensi pelaksana [KJP (Kementerian / Jabatan / Agensi Persekutuan)] tidak bersetuju dengan cadangan tapak kemudahan masyarakat yang terkandung di dalam RT/RKK tersebut, agensi pelaksana berkenaan perlu menyatakan justifikasi kukuh tentang keengganannya menyediakan kemudahan masyarakat di tapak yang telah dikenalpasti.

ii. Peringkat Pemajuan

- Setelah mendapat salinan dokumen RT/RKK, agensi pelaksana hendaklah mengemukakan permohonan tanah melalui Pesuruhjaya Tanah Persekutuan untuk pemberimilikan/pengambilan balik/perizaban/tanah yang mana kos terlibat adalah dibawah tanggungan agensi/kementerian pelaksana masing-masing.
- Seterusnya, PTG Negeri perlu memohon pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) untuk kelulusan.
- Setelah kelulusan diperolehi, PTG hendaklah bertindak untuk mewarta/memberi milik tanah/tapak kemudahan masyarakat.
- PTG perlu membuat pemberitahuan melalui warta mengenai pemberimilikan tanah kemudahan masyarakat berkenaan dan memaklukkannya kepada Pengarah JPBD Negeri dan PBT.
- Pengarah JPBD Negeri perlu menyediakan pangkalan data bagi maklumat tapak dan mengemaskini inventori kemudahan masyarakat serta melaporkan status tapak kemudahan masyarakat kepada JPN secara berkala.

- Setelah PTG mewarta/memberi milik tanah kemudahan masyarakat, agensi pelaksana perlu menyediakan pelan bangunan dan membina bangunan. Kos bangunan adalah dengan bantuan peruntukan daripada kementerian masing-masing dan permohonan peruntukan berdasarkan keutamaan bagi setiap *rolling plan*.



iii. Peringkat Penyelenggaraan

- Agensi pelaksana bertanggungjawab sepenuhnya untuk membuat penyelenggaraan yang meliputi tatatur pengendalian tapak dan bangunan kemudahan masyarakat yang telah dibina.
- Agensi pelaksana perlu memohon peruntukan/kos penyelenggaraan daripada kementerian masing-masing. Penyediaan jadual penyelenggaraan secara berkala adalah perlu bagi memastikan kesinambungan berterusan penyelenggaraan kemudahan masyarakat.


Kaedah pelaksanaan pembangunan kemudahan masyarakat melalui Rancangan Pemajuan (RT/RKK) ditunjukkan di dalam Rajah 5.0.

Rajah 5.0: Pelaksanaan Pembangunan Kemudahan Masyarakat Melalui Rancangan Pemajuan



PERINGKAT PERANCANGAN



- Mengenalpasti tapak kemudahan masyarakat utama secara *site specific*.
- Pengarah JPBD Negeri dan JPBD Pejabat Projek Zon berperanan sebagai penasihat dari aspek perancangan tapak kemudahan masyarakat.



- Pasukan Kajian RT/RKK, JPBD Negeri, PBT dan agensi pelaksana mengenalpasti tapak dan keutamaan pembangunan kemudahan masyarakat untuk dilaksanakan.




- Pengarah JPBD Negeri menyenaraikan semua kemudahan masyarakat yang terkandung dalam RT/RKK untuk makluman dan perakuan JK Perancang Negeri (JPN).
- JPBD Negeri (Urusetia JPN)/PBT memaklumkan senarai kemudahan masyarakat kepada agensi/kementerian pelaksana berkaitan, dengan mengedarkan maklumat melalui jilid/sector kemudahan masyarakat yang terkandung dalam RT/RKK.
- PBT mengemukakan senarai kemudahan masyarakat mengikut RT kepada PTG untuk pengesahan status tanah.

Catatan:

Agensi pelaksana yang tidak bersetuju dengan cadangan tapak kemudahan masyarakat yang terkandung di dalam RT/RKK perlu menyatakan justifikasi.

PERINGKAT PEMAJUAN




Kos pemilikan tanah :-


- Bayaran premium (jika tanah Kerajaan)
- Mengikut harga pasaran (jika tanah individu)

Catatan:

Perolehan tanah dibuat oleh Kerajaan Persekutuan melalui Pesuruhjaya Tanah Persekutuan yang dijalankan oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian (KPTG) bagi pihak Kementerian/Jabatan/Agensi Persekutuan (KJP)



Sambung..



7.2. Pelaksanaan Kemudahan Masyarakat Melalui Kebenaran Merancang

Pelaksanaan kemudahan masyarakat melalui kebenaran merancang melibatkan peringkat perancangan, kelulusan kebenaran merancang, pemajuan dan penyelenggaraan.

i. Perancangan

- PBT menerima permohonan kebenaran merancang (KM) dan mengemukakan KM kepada JPBD Negeri dan agensi teknikal yang berkaitan untuk ulasan melalui Unit Pusat Setempat (OSC).
- Pengarah JPBD Negeri dan agensi teknikal yang berkaitan, memproses dan memberi ulasan teknikal berkaitan kemudahan tersebut. Ulasan teknikal yang diberi oleh Pengarah JPBD Negeri perlulah merujuk Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat dan Rancangan Pemajuan semasa.

ii. Kelulusan Kebenaran Merancang

- Kebenaran merancang dipertimbangkan mengikut subseksyen 22(3) Akta 172 oleh PBT melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat.
- Dalam mempertimbangkan kelulusan kebenaran merancang, PBT hendaklah menyatakan syarat-

syarat pemajuan kepada pemaju untuk 'menyedia dan menyumbang'² tapak kemudahan masyarakat untuk kegunaan awam.

- PBT hendaklah menyertakan akuan berkanun bahawa pemaju bersetuju tanpa prejudis untuk 'menyedia dan menyumbang' tapak bagi kegunaan awam kepada Kerajaan.
- PBT perlu memaklumkan kelulusan KM kepada pemaju, JPBD Negeri dan PTG. PBT juga perlu mengemukakan salinan pelan susun atur yang telah diluluskan KMnya kepada agensi pelaksana untuk tindakan pemajuan.

iii. Pemajuan

- Agensi pelaksana [KJP (Kementerian/Jabatan/Agensi Persekutuan)] perlu mengemukakan permohonan melalui Pesuruhjaya Tanah Persekutuan sama ada bagi pemberimilikan/pengambilan balik tanah.
- Agensi pelaksana berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri serta memohon peruntukan bagi pemilikan tapak. Kos pemilikan tanah adalah melalui bayaran premium (jika tanah Kerajaan) dan

²Istilah 'menyedia dan menyumbang' tapak kemudahan merujuk kepada penyediaan tapak dalam keadaan tanah rata dan penyediaan infrastruktur asas seperti sistem perparitan dan jalan.

mengikuti harga pasaran (jika tanah individu).


- PTG mengambil tindakan untuk membuat pemberitahuan melalui Warta tentang pemberilikan tanah kemudahan masyarakat dan memaklumpkannya kepada JPBD Negeri dan PBT.
- Pengarah JPBD Negeri menyenaraikan maklumat tapak kemudahan masyarakat dan mengemaskini inventori kemudahan masyarakat untuk rujukan agensi berkaitan.
- JPBD Negeri memaklumkan mengenai status tapak kemudahan masyarakat kepada JPN secara berkala.
- Agensi pelaksana menyediakan pelan bangunan dan membina bangunan. Kos bangunan adalah dengan bantuan peruntukan daripada kementerian masing-masing dan permohonan peruntukan berdasarkan keutamaan bagi setiap *rolling plan*.

iv. **Penyelenggaraan**


- Agensi pelaksana bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjalankan penyelenggaraan yang meliputi tatatur pengendalian tapak dan bangunan kemudahan masyarakat yang telah dibina.
- Agensi pelaksana perlu memohon peruntukan bagi kos penyelenggaraan daripada kementerian masing-masing. Penyediaan jadual penyelenggaraan secara berkala adalah perlu bagi memastikan kesinambungan berterusan penyelenggaraan kemudahan masyarakat.

Kaedah pelaksanaan pembangunan kemudahan masyarakat melalui kebenaran merancang ditunjukkan di dalam Rajah 6.0.

Rajah 6.0: Cadangan Pelaksanaan Pembangunan Kemudahan Masyarakat Melalui Kebenaran Merancang



Sambung..



8. PENUTUP

Garis Panduan ini telah menggariskan perkara asas seperti kategori kemudahan masyarakat, skop garis panduan, prinsip perancangan, garis panduan umum serta garis panduan khusus yang perlu dipatuhi dalam penyediaan dan pembangunan kemudahan masyarakat.

Adalah menjadi hasrat di peringkat Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan agar aspek-aspek yang dicadangkan di dalam Garis Panduan ini dapat dipatuhi dan memandu Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan pemaju di dalam merancang, mengawal dan memantau penyediaan pembangunan kemudahan masyarakat secara lebih berkesan.

RUJUKAN

1. Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 50]
2. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]
3. Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]
4. Akta Pendidikan 1996 [Akta 550]
5. Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486]
6. Akta Perkhidmatan Bomba 1998 [Akta 341]
7. Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506]
8. Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 [Akta 308]
9. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133]
10. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984
11. *Biwako Millenium Framework For Action: Towards and Inclusive, Barrier Free And Rights Based Society For Persons With Disabilities : Asia & The Pacific*
12. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (2006), Dasar Perbandaran Negara
13. Jabatan Kebajikan Masyarakat (2010), Garis Panduan TASKA Komuniti
14. Kementerian Kesihatan Malaysia, 2010
15. Kementerian Pendidikan Malaysia, 2010
16. *Malaysian Standard MS1184: 2002 Code of Practice On Access for Disabled Persons to Public Buildings (First Revision), Malaysian Standard MS1331: 2003 Code of Practice For Access Of Disabled Persons Outside Buildings (First Revision)*
17. *Malaysian Standard MS1183: Part 8: 1990 Specification for Fire Precautions In The Design And Construction of Buildings Part 8: Code Of Practice for Means of Escape for Disabled People*
18. *NKEA Bussibess Services Lab, Enabler : Increasing Skilled Resources In The Service Sector, 2010*
19. Unit Perancang Ekonomi (2008), Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan Oleh Jawatankuasa Standard dan Kos (Edisi 2008)
20. Universiti Teknologi Malaysia (2007), Polisi dan Kod Amalan Pengajaran dan Pembelajaran
21. Perpustakaan Negara Malaysia, 2010
22. Polis DiRaja Malaysia, 2010

LAMPIRAN

HIERARKI BANDAR DI SEMENANJUNG MALAYSIA 2006-2020, DASAR PERBANDARAN NEGARA (2006)

Kategori A

HIERARKI	KONURBASI/BANDAR	JULAT PENDUDUK (POPULATION RANGE)
Konurbasi Pertumbuhan Negara	Konurbasi Kuala Lumpur Kuala Lumpur Putrajaya Klang Petaling Jaya Ampang Shah Alam Kajang Gombak Selayang Baru Semenyih Cheras Bukit Beruntung Kuang Cyberjaya Bandar Baru Bangi Serdang Bangi Damansara Rawang Kapar Sri Kembangan Hulu Klang Pulau Carey Morib Batu Laut Telok Panglima Garang Meru Kuala Kubu Bharu Batang Kali Puncak Alam Sg. Pelek Bandar Baru Salak Tinggi Seremban Nilai Port Dickson Telok Kemang Lukut Batu 8 Labu	>2.5 juta

HIERARKI	KONURBASI/BANDAR	JULAT PENDUDUK (POPULATION RANGE)
	Mantin Bentong	
Konurbasi Pertumbuhan Wilayah	Konurbasi Georgetown Georgetown Butterworth – Seberang Jaya Bayan Baru Bukit Mertajam Gelugor Kepala Batas Ayer Itam Kulim Nibong Tebal Sungai Ara Sungai Petani Tanjung Bunga Tanjung Tokong Bayan Lepas Batu Kawan Jelutong Permatang Pauh Balik Pulau Air Putih Batu Feringgi Pulau Tikus Bandar Baru Air Itam Paya Terubong Sungai Dua (PP) Sungai Nibong Jawi Telok Air Tawar Simpang Ampat Tasek Gelugor Bertam Sungai Dua (SP) Sri Ampangan Parit Buntar – Bagan Serai Konurbasi Johor Bahru Johor Bahru Bandar Nusajaya Kulai Pasir Gudang Gelang Patah Sekudai Senai Pekan Nenas Masai	1.5 - 2.5 juta

HIERARKI	KONURBASI/BANDAR	JULAT PENDUDUK (POPULATION RANGE)
	Ulu Tiram Kota Tinggi Konurbasi Kuantan Kuantan Pekan Chukai	
Konurbasi Pertumbuhan Separa Wilayah	Konurbasi Ipoh Ipoh Konurbasi Melaka Melaka Bandaraya Bersejarah Alor Gajah Ayer Keroh – Orna - Golden Valley – Metacorp Sungai Udang Durian Tunggal Paya Rumpit	0.5 - 1.5 juta
Konurbasi Pertumbuhan Negeri	Konurbasi Kuala Terengganu Kuala Terengganu Marang Konurbasi Kota Bharu Kota Bharu Pengkalan Chepa Kubang Kerian Konurbasi Alor Setar Alor Setar Jitra Kuala Kedah Konurbasi Kangar Kangar	300,001 – 500,000

Kategori B

HIERARKI	KONURBASI/BANDAR	JULAT PENDUDUK (POPULATION RANGE)
Konurbasi Pertumbuhan Daerah	<p>Konurbasi Muar – Batu Pahat - Kluang Muar (Bandar Maharani) Batu Pahat Bandar Penggaram) Kluang</p> <p>Konurbasi Lumut – Sitiawan - Manjung Lumut Sri Manjung Sitiawan</p> <p>Konurbasi Temerloh Temerloh Mentakab</p>	100,001 – 300,000
Konurbasi Pertumbuhan Utama	<p>Johor Segamat Mersing Pontian Kechil Bandar Penawar Bandar Tenggara Yong Peng Ayer Hitam Simpang Renggam Tangkak Parit Raja</p> <p>Kelantan Gua Musang</p> <p>Negeri Sembilan Bandar Seri Jempol Kuala Pilah Tampin</p> <p>Pahang Kuala Rompin</p> <p>Perak Taiping Teluk Intan Tg. Malim – Proton City – Behrang 2020 Gerik Seri Iskandar Tapah – Tapah Road – Bandar Baru Universiti</p> <p>Selangor Sungai Besar Kuala Selangor</p>	30,001 – 100,000

HIERARKI	KONURBASI/BANDAR	JULAT PENDUDUK (POPULATION RANGE)
	Bernam Jaya Terengganu Dungun Jertih – Kg. Raja – Kuala Besut Kedah Pendang Kuah Baling Melaka Jasin – Bandar Putra – Bemban	
Konurbasi Pertumbuhan Kecil	Johor Bandar Mas Bukit Gambir Endau Kelapa Sawit Chaah Labis Bukit Bakri Buloh Kasap Machap Parit Sulong Rengit Kedah Bandar Baharu Bukit Jenun Yan Besar Yan Kecil Guar Chempedak Sungai Karangan Padang Meha Bukit Kayu Hitam Changloon Sintok Air Hitam Kuala Nerang Kota Putra Kuala Ketil Kupang Bukit Selambau Gurun Padang Matsirat Padang Lalang Sik Serdang	10,001 – 30,000

HIERARKI	KONURBASI/BANDAR	JULAT PENDUDUK (POPULATION RANGE)
	Bandar Baru Beris Jaya	
Konurbasi Pertumbuhan Kecil	<p>Kelantan Bachok Pasir Puteh Pasir Mas Tanah Merah Machang Kuala Krai Jeli Tumpat Ketereh Wakaf Bharu</p> <p>Melaka Masjid Tanah Merlimau Pulau Sebang</p> <p>Negeri Sembilan Bahau Gemas Gemencheh Kuala Klawang Lui Muda Rembau Tanjung Ipoh</p> <p>Pahang Jerantut Raub Tanah Rata – Brinchang Maran Bandar Jengka Bandar Bera Bandar Tun Razak Muadzam Shah Kuala Lipis</p> <p>Selangor Tanjung Karang Sekinchan Sabak</p>	10,001 – 30,000

HIERARKI	KONURBASI/BANDAR	JULAT PENDUDUK (POPULATION RANGE)
Konurbasi Pertumbuhan Kecil	<p>Terengganu Paka Kerteh Kijal Kuala Berang Bandar Permaisuri</p> <p>Perak Kuala Kangsar Selama Pengkalan Hulu Lenggong Pangkor Sg. Siput Kampar Slim River Gopeng Bidor Damar Laut – Segari Bukit Merah – Alor Pongsu Kg. Gajah Pantai Remis – Pengkalan Baharu Langkap Simpang Empat – Hutan Melintang Sungkai Ayer Tawar Bagan Datoh</p> <p>Perlis Bukit Batu Putih Kuala Perlis Simpang Empat Arau Padang Besar Beseri</p>	10,001 – 30,000

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Pengarah
Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Tel: 03-2081 6000 Faks: 03-2094 1170

<http://www.townplan.gov.my>



Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Jalan Cenderasari, 50646 Kuala Lumpur

ISBN 978-983-41729-9-2



9 789834 172992